



"DUNIA MEDAN UJIAN, AKHIRAT TEMPAT PEMBALASAN".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: قُلْ إِنْ كَانَتْ لَكُمْ الدَّارُ الْآخِرَةُ عِنْدَ اللَّهِ خَالِصَةً مِّنْ دُونِ النَّاسِ فَتَمَنَّوْا الْمَوْتَ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٩٤﴾¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَآيَاتِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:</p>	4
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian,</p> <p>Bersempena keberadaan kita di Bulan Ramadhan yang mulia dan di hari Jumaat yang penuh barakah ini, saya ingin berpesan kepada diri saya dan hadirin Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan kita ini dengan nikmat, taufik dan hidayah yang berpanjangan serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Pada hari ini, khatib ingin mengajak hadirin sekalian untuk sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk : DUNIA MEDAN UJIAN AKHIRAT TEMPAT PEMBALASAN</p>	6

¹ Al-Baqarah : 94



<p>Muslimin yang berbahagia,</p> <p>Hari ini manusia di seluruh dunia berdepan dengan pelbagai ujian yang getir. Seluruh dunia sedang berdepan dengan wabak virus yang mengancam nyawa dan kesihatan. Di sesetengah daerah berlaku kemiskinan dan kemelaratan. Di bahagian yang lain pula sedang berlaku pergolakan dan peperangan merebut wilayah. Pencemaran alam dan kemusnahannya berleluasa dan pelbagai lagi isu yang seolah-olah tiada rehat dan noktahnya. Inilah hakikat kehidupan dunia yang merupakan medan ujian untuk kita semua.</p>	7
<p>Dunia sebagai medan ujian bagi manusia ini telah dinyatakan oleh Allah SWT di dalam Al-quran sebagai peringatan kepada kita agar menyedari bahawa dunia ini bukan tempat asal kita yang sebenar. Sebaliknya ia menjadi medan untuk manusia membuat persiapan terbaik untuk kembali ke alam akhirat yang lebih kekal, itulah tempat tinggal kita yang sebenarnya.</p>	8
<p>Firman Allah SWT di dalam surah Al-Mulk, ayat 2 :</p> <p>الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ ﴿٢﴾</p>	9
<p>“ Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: Siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat)”</p>	10



<p>Daripada ayat ini, jelas menyedarkan kita bahawa seluruh kehidupan yang kita lalui sehingga kita menemui ajal maut dipenuhi dengan pelbagai ujian yang bertujuan untuk dinilai siapakah yang tetap bertahan menghadapi ujian ini dengan sabar dan istiqomah mentaati perintahNya sehingga akhirnya dia mati dalam keadaan diredhai Allah atau sebaliknya siapakah yang lalai, putus asa dan semakin jauh dari rahmat Allah yang akhirnya mati dalam kemurkaanNya.</p> <p>Hadirin yang di kasihi Allah sekalian,</p>	11
<p>Kita ada tugas dan tanggungjawab yang wajib disempurnakan dalam hidup kita ini. Sekiranya kita renung sedalam-dalamnya, tujuan hidup kita di dunia ini bukanlah semata-mata untuk bersenang-lenang dengan kenikmatan yang ada di dunia ini.</p> <p>Dunia ini diamanahkan oleh Allah SWT kepada kita untuk dimakmurkan dengan menjunjung segala perintah Allah SWT dalam setiap urusan kehidupan sama ada sosial, ekonomi, politik dan lain-lain lagi.</p>	12
<p>Oleh itu, manusia yang ingkar dengan perintah Allah SWT, hakikatnya mereka adalah manusia yang khianat dengan amanah yang diberikan Allah SWT dan selakannya mereka dimurkai Allah dan dihumban dalam api neraka yang pedih. Firman Allah SWT di dalam surah Al-Hajj, ayat 38 :</p> <p>إِنَّ اللَّهَ يُدَافِعُ عَنِ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ خَوَّانٍ كَفُورٍ ﴿٣٨﴾</p>	13
<p>“Sesungguhnya Allah membela orang-orang yang beriman; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang khianat, lagi tidak bersyukur.”</p>	14



<p>Hadirin sekalian,</p> <p>Hari ini, perbuatan dosa dan maksiat seolah-olah menjadi kebiasaan dalam masyarakat muslim hari ini. Lihatlah sahaja berita-berita yang dipaparkan di media cetak dan elektronik saban hari ada sahaja perbuatan jahat dan maksiat dipaparkan. Seolah-olah manusia sudah tidak takut dengan kemurkaan Allah SWT lagi.</p>	15
<p>Hakikatnya segala perbuatan jahat seperti berjudi, berzina, membunuh tanpa sebab, berprasangka buruk, membuat tuduhan palsu, memfitnah, mengadu-domba, mencari-cari kesalahan orang lain, mencaci dan menghina orang dengan gelaran yang buruk serta perbuatan jahat yang lain wajib dihindari kerana ia merupakan pengkhianatan yang besar kepada Allah SWT.</p>	16
<p>Firman Allah SWT di dalam surah Al-Nisa', ayat 107 :</p> <p>وَلَا تُجَادِلْ عَنِ الَّذِينَ يَخْتَانُونَ أَنفُسَهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ خَوَّانًا أَثِيمًا ﴿١٠٧﴾</p>	17
<p>"Dan janganlah engkau berbahas untuk membela orang-orang yang mengkhianati diri mereka sendiri. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang selalu melakukan khianat, lagi sentiasa berdosa".</p>	18



<p>Hadirin Jumaat yang dimuliakan,</p> <p>Ingatlah! Kita semua akan berhadapan dengan kematian. Apabila kematian datang kepada diri kita, terputuslah segala nikmat dunia yang selama ini kita kecapai. Pada waktu itu, segala penyesalan sudah tidak berguna lagi. Segala perbuatan kita sama ada yang baik atau buruk akan kita bawa bersama di dalam kubur. Bagi roh orang beriman, mereka akan berdoa kepada Allah SWT agar disegerakan kiamat kerana terujanya mereka bertemu dengan Allah SWT dan menikmati balasan syurga yang dijanjikan olehNya. Sebaliknya bagi roh orang kafir mereka akan merayu kepada Allah agar tidak berlaku kiamat kerana takutnya mereka dengan azab yang bakal mereka hadapi di akhirat.</p>	19
<p>Suatu hari Rasulullah SAW berpesan : Sesiapa yang suka bertemu dengan Allah, maka Allah akan suka bertemu dengannya. Sesiapa yang benci bertemu Allah, maka Allah akan benci bertemu dengannya.</p>	20
<p>Saidatina Aisyah Radhiallahu'anha berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>المُؤْمِنُ إِذَا بُشِّرَ بِرَحْمَةِ اللَّهِ وَرِضْوَانِهِ وَجَنَّتِهِ أَحَبَّ لِقَاءَ اللَّهِ وَأَحَبَّ اللَّهُ لِقَاءَهُ وَإِنَّ الْكَافِرَ إِذَا بُشِّرَ بِعَذَابِ اللَّهِ وَسَخَطِهِ كَرِهَ لِقَاءَ اللَّهِ وَكَرِهَ اللَّهُ لِقَاءَهُ</p>	21
<p>"Bila seorang mukmin menemui kematian, maka ia digembirakan dengan rahmat dan keredaan Allah SWT. serta kurniaan syurgaNya. SWT. Maka ia lebih suka bertemu dengan Allah dan Allah SWT. pun ingin bertemu dengannya. Sedangkan bila seseorang kafir itu menemui kematian, maka ia digembirakan dengan azab Allah SWT. dan siksaNya. Ia benci berjumpa dengan Allah SWT. dan Allah SWT. pun benci berjumpa dengannya."</p> <p>(Riwayat Al-Bukhari)</p>	22



<p>Oleh itu, bersempena dengan kedatangan bulan Ramadhan yang barakah ini, ayuhlah kita bersungguh-sungguh memanfaatkan bulan ini dengan memperbanyakkan amal soleh, beristighfar dan berdoa agar segala amal kita diterima Allah SWT</p> <p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</p>	23
<p>Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan pedoman dalam hidup kita :</p> <ol style="list-style-type: none">1. Sedarlah bahawa setiap manusia pasti tidak terlepas daripada pelbagai ujian dunia. Maka kita hendaklah sentiasa bersabar dan istiqamah mentaati segala perintah Allah SWT .2. Setiap muslim hendaklah ingat bahawa setiap perbuatan sama ada baik atau buruk yang kita lakukan di dunia akan memberi kesan nanti di akhirat.3. Kita hendaklah jadikan Ramadan tahun ini sebagai pemangkin kearah kejayaan hidup di dunia dan akhirat.	24
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>يَوْمَ نَحْشُرُ الْمُتَّقِينَ إِلَى الرَّحْمَنِ وَفَدًا ﴿٨٥﴾ وَنَسُوقُ الْمُجْرِمِينَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ وَرَدًا ﴿٨٦﴾</p>	25



<p>“(Ingatlah) hari Kami himpulkan orang-orang yang bertakwa untuk mengadap (Allah) Ar-Rahman, dengan berpasuk-pasukan. Dan Kami akan menghalau orang-orang yang bersalah ke Neraka Jahannam, dalam keadaan dahaga.”</p> <p>(Surah Maryam : 85-86)</p>	26
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	27
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	28




KHUTBAH KEDUA

1	أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ
5	Marilah kita sama-sama mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat kepada Allah SWT. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita senantiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak covid 19.
6	Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mengambil vaksin dengan mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Kita juga tidak perlu gusar dan ragu-ragu lagi apabila menerima suntikan tersebut ketika berpuasa di bulan Ramadan kerana ianya tidak akan membatalkan puasa.
7	Perkara ini telah diperhalusi dan diperbincangkan untuk menetapkan hukum keharusannya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke 118 yang bersidang pada 16 hingga 17 Februari 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah bersidang pada 9 Mac 2021.



<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi Prosedur Operasi Standart (SOP) dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak penyakit Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	8
<p>قَالَ اللهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾</p>	9
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	12
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،</p>	13
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	14
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُزْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَغُور، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	15



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	16
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hambaMu yang sentiasa meninggikan kalimah dan AgamaMu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina AgamaMu.</p>	18
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	19
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	20
	21



<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	22
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۗ إِنَّ نِعْمَةَ رَبِّكُمْ إِذْ أَنْزَلَ لَكُمُ الْقُرْآنَ وَلَئِنْ كُنْتُمْ لَا تَشْكُرُونَ لَأُولَٰئِكَ أَلْحِقْنَا بِالَّذِينَ كَفَرُوا لَعَنَّا لَهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا ﴿١٠٢﴾</p>	23